

28 OCT 1997

G15-Isu

G15 AKAN BINCANG CARA MENINGKATKAN DIALOG DENGAN NEGARA MAJU

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) akan membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengadakan dialog yang lebih positif dan membina bersama negara-negara maju di persidangan kemuncak mereka dari 3 hingga 5 Nov ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra, satu lagi isu yang akan dipertimbangkan oleh persidangan kemuncak itu ialah langkah-langkah menyelaraskan dasar-dasar dan tindakan perkumpulan itu di peringkat global.

"Peluang-peluang baru bagi pembentukan dan pelaksanaan program-program Kerjasama Selatan-Selatan juga merupakan antara isu yang akan dibangkitkan semasa persidangan itu," menurut kenyataan itu yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Menurut Wisma Putra lagi, persidangan itu akan memberi peluang kepada ketua-ketua negara dan kerajaan G15 untuk membincangkan perkembangan ekonomi dan politik antarabangsa daripada perspektif negara-negara membangun.

G15 dianggotai oleh Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya akan diterima sebagai anggota ke 16 dalam persidangan kemuncak kali ini.

Ini merupakan kali kedua Malaysia menjadi tuan rumah kepada persidangan kemuncak G15 dengan kali pertama pada tahun 1990.

Persidangan itu akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berkata di Edinburgh, Scotland semalam yang Malaysia akan terus menggunakan forum-forum antarabangsa untuk menjelaskan kesan buruk daripada spekulasi mata wang yang berlebihan dan manupulasi ekonomi-ekonomi dunia.

Mata wang negara-negara Asia Tenggara seperti rupiah Indonesia, peso Filipina, bath Thailand dan ringgit Malaysia susut nilai terhadap dollar Amerika ekoran spekulasi tidak terkawal oleh peniaga-peniaga mata wang sejak Julai lepas.

Bursa saham Hong Kong merupakan mangsa terbaru serangan spekulatif dan masih belum pulih lagi.

Pada masa yang sama Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas bertemu dengan Presiden Indonesia, Suharto di Jakarta semalam berkata, Malaysia telah menjanjikan AS\$1 bilion untuk membantu negara itu mengatasi krisis mata wang yang dialaminya.

Satu siri mesyuarat pegawai-pegawai kanan dan Menteri-menteri bermula hari ini untuk mengemaskini rangka kerja bagi persidangan kemuncak itu.

Menteri-menteri Perdagangan dan Ekonomi akan bertemu pada Jumaat ini sementara Menteri-menteri Luar akan bertemu pada Sabtu.

Dr Mahathir akan merasmikan pameran perdagangan G15 pada 1 Nov yang diadakan sempena persidangan kemuncak itu dan satu bengkel perniagaan selama lima hari akan dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

-- BERNAMA

MAM PR